

**Keintelektualan Masyarakat Johor: Tradisi Persuratan Merentas Zaman**  
(*The Intellectual of Johor Community: The Tradition of Literature Across the Ages*)

Mardiana Nordin\*

**Abstrak**

Kesultanan Johor berkembang sebagai sebuah peradaban yang berasaskan perdagangan maritim, berpusat di sepanjang Sungai Johor sekitar abad ke-16M dan ke-17M. Pusat pentadbirannya beralih ke wilayah Riau-Lingga pada abad berikutnya dan kembali ke tanah besar, negeri Johor kini pada abad ke-19M. Dalam tempoh abad ke-16M hingga ke-18M, kesultanan Johor muncul sebagai sebuah empayar Melayu yang besar, kuasa politik yang disegani dan pusat perdagangan antarabangsa. Namun begitu, aspek-aspek tersebut sebenarnya bergerak seiring dengan kehebatan keintelektualan masyarakat Johor dalam pelbagai bidang. Justeru, objektif makalah ini adalah untuk membuktikan bahawa sepanjang abad ke-16M hingga ke-18M tersebut dan kemudian berterusan sehingga abad ke-20M, kesultanan Johor turut menjadi pusat perkembangan persuratan/kesusasteraan, bahasa dan kebudayaan. Ramai golongan intelek lahir di Johor. Objektif kedua adalah untuk membincangkan persuratan masyarakat Johor yang lahir dalam pelbagai genre. Bermula dengan terhasilnya dua buah karya agung *Sulalatus Salatin* karangan Tun Sri Lanang dan *Hikayat Hang Tuah*, masyarakat Johor terus melahirkan pelbagai karya persuratan (sejarah, sastera, bahasa, agama, ketatanegaraan, fiksyen dan lain-lain) pada abad-abad berikutnya. Maka lahirlah golongan pujangga yang disegani dengan karya yang sangat ketara keintelektualan mereka seperti Raja Haji Ahmad, Raja Ali Haji, Raja Khalid Hitam, Raja Ali Kelana, Muhammad Ibrahim Munshi, Muhammad Salleh Perang, Muhammad Said Sulaiman dan ramai lagi. Batasan kajian bagi makalah ini adalah mengkhususkan kepada persuratan dan keintelektualan yang lahir dalam bidang sejarah, sastera dan bahasa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dari disiplin sejarah terutama berfokus kepada kajian perpustakaan. Hasil kajian ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Johor sangat prolifik dalam usaha menghasilkan pelbagai persuratan dan aktiviti keintelektualan. Situasi ini juga seiring dengan perkembangan percetakan mahupun aktiviti berpersatuan yang sekaligus dapat membuktikan keintelektualan masyarakat Johor itu merentas zaman.

**Kata kunci:** Johor, keintelektualan, persuratan, pujangga, genre

**Abstract**

*The sultanate of Johor emerged as a maritime trade civilization, centred along the Johor River around the 16<sup>th</sup> and 17<sup>th</sup> century CE. Its administrative centre shifted to the Riau-Lingga islands in the next century, and returned to the mainland state of Johor in the late 19<sup>th</sup> century. Between the 16<sup>th</sup> and 18<sup>th</sup> centuries, the sultanate of Johor emerged as a great Malay empire, a respected political entity and centre of international trade. However, these aspects should be seen as moving in line with the intellectual apogee of the Johor people. Therefore, the objective of this article is to prove that throughout the 16<sup>th</sup> and 18<sup>th</sup> centuries, the sultanate of Johor also became a centre of development of literature, language and culture. Many intellectuals emerged in Johor. The second objective is to discuss the multi-genre literary scene in Johor. Beginning with the two great Malay works, *Sulalatus Salatin* by Tun Sri Lanang and the *Hikayat Hang Tuah*, the Johor intelligentsia produced various literary works (history, literature, language, religion, statecraft, fiction, and so on) in the following centuries. Respected members of the intelligentsia produced greatly intellectual works, such as Raja Haji Ahmad, Raja Ali Haji, Raja Khalid Hitam, Raja Ali Kelana, Muhammad Ibrahim Munshi, Muhammad Salleh Perang, Muhammad Said Sulaiman and many others. This paper focuses on writings and intellectuality in fields of history, literature and language. This study uses the qualitative method in history, especially focusing on library research. This study proves that Johor society is highly prolific in the flowering of literary and intellectual activities. This situation was also in line with the development of printing and associational activities, thus providing the intellectuality of Johor throughout time.*

\* Mardiana Nordin (PhD), Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Malaysia. Emel: mardiana@um.edu.my.

## Pengenalan

Kerajaan Johor diasaskan pada tahun 1528M oleh Raja Ali, putera Sultan Mahmud Shah, sultan Melaka terakhir. Baginda memakai gelaran dengan nama Sultan Alauddin Riayat Syah (1528M-1564M) dan mendirikan pusat pemerintahan Johor yang pertama di Pekan Tua atau Sayong Pinang iaitu di Hulu Sungai Telor. Semenjak itu, kerajaan Johor memperkuuh, membangun, mencapai kegemilangan dan melewati suatu proses pembudayaan yang sangat panjang dan kompleks. Kerajaan Johor sebenarnya merupakan legasi dari ketamadunan-ketamadunan yang telahpun berdiri kukuh di alam Melayu. Johor mewarisi tradisi dari Kesultanan Melayu Melaka dan sebelumnya dari tradisi kerajaan Singapura juga Palembang. Justeru, situasi ini memberi satu kelebihan kepada kerajaan Johor dari segi pencapaian ketara dan tidak ketara (*tangible and intangible*). Boleh dikatakan, kerajaan Johor telah mencapai segala unsur-unsur tamadun yang utama, memiliki sistem berkerajaan yang tersusun di samping pengaruh Islam yang menyempurnakan perkembangan tamadun ini.<sup>1</sup> Perkembangan kerajaan Johor bergerak seiring dalam aspek ekonomi, politik dan juga persuratan. Keintelektualan masyarakat Johor dalam aspek persuratan ini dibuktikan dengan perkembangan penulisan, bahasa, kesusastraan dan kebudayaan terutama apabila berlaku interaksi sosiopolitik dan agama pelbagai suku Melayu dan suku bangsa di Johor.

Sehubungan itu, dalam menghasilkan penulisan makalah ini, objektif kajian adalah untuk membuktikan bahawa sepanjang abad ke-16M hingga abad ke-20M, kesultanan Johor turut menjadi pusat perkembangan persuratan/kesusastraan, bahasa dan kebudayaan. Ramai golongan intelek lahir di Johor. Objektif kedua adalah untuk membincangkan persuratan masyarakat Johor yang lahir dalam pelbagai genre. Bermula dengan terhasilnya dua buah karya agung *Sulalatus Salatin* karangan Tun Sri Lanang dan *Hikayat Hang Tuah*, masyarakat Johor terus melahirkan banyak karya persuratan dalam bidang-bidang seperti sejarah, sastera, bahasa, agama, ketatanegaraan, fiksyen dan lain-lain pada abad-abad berikutnya. Lebih ramai golongan pujangga yang disegani lahir dalam kesultanan Johor dengan karya yang sangat ketara keintelektualan mereka seperti Raja Haji Ahmad, Raja Ali Haji, Raja Khalid Hitam, Raja Ali Kelana, Muhammad Ibrahim Munshi, Muhammad Salleh Perang, Muhammad Said Sulaiman dan ramai lagi. Batasan kajian bagi makalah ini adalah mengkhususkan kepada persuratan dan keintelektualan yang lahir dalam bidang sejarah, sastera dan bahasa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dari disiplin sejarah terutama berfokus kepada kajian perpustakaan.

Selain itu turut dikenalpasti, keintelektualan masyarakat Johor dipengaruhi oleh ciri fizikal kerajaannya. Sering disebut sebagai kerajaan Johor-Riau, tamadun ini menjadi suatu perlambangan tentang penyatuan, perkongsian dan keserumpunan Melayu. Sejarah kerajaan ini luas ekoran perkongsian pelbagai elemen serantau meliputi unsur kekeluargaan, hubungan perdagangan, hubungan diplomatik, hubungan perundangan termasuklah juga hubungan emosi. Sebenarnya untuk mengkaji dan memahami sejarah Johor, adalah tidak lengkap tanpa juga meneliti perkembangan yang berlaku dalam hampir seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu seperti Selangor, Pahang, Terengganu, Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Patani. Malah hubungan ini turut berlaku hingga ke wilayah lain di alam Melayu seperti di Sumatera dan Kalimantan yang melibatkan wilayah-wilayah termasuk Siak, Rokan, Aru, Inderagiri, Pontianak, Mempawah, Sambas, Sanggau, Matan, Makasar, Siantan, Daik, Lingga dan banyak lagi wilayah yang lain. Bahan-bahan persuratan yang lahir di kerajaan ini dari ramai pujangganya membuktikan keluasan hubungan sosiopolitik-budaya dan ekonomi Johor.

*Kamus Dewan* mendefinisikan intelektual sebagai orang atau golongan terpelajar, cerdik pandai dan cendekiawan. Hasil intelektual ini boleh membentuk kesedaran dan menarik generasi kemudian untuk mengkaji dan memahami keintelektualan tersebut. Selain itu intelektual juga mencerminkan kemampuan yang tinggi untuk berfikir dengan menggunakan akal budi. Di Johor, sepanjang enam abad pendiriannya, fungsi kerajaan ini dalam melahirkan golongan intelektual tidak dapat dinafikan. Pelbagai bukti boleh dijadikan kayu ukur dan penampakan yang paling ketara adalah melalui hasil-hasil persuratannya.

<sup>1</sup> Tatiana Denisova (2013), "Sejarah Penyebaran Islam di Alam Melayu Berdasarkan Sumber-Sumber Sejarah Melayu Islam Kurun Ke-18 Hingga Ke-19," *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 8, Bil. 1, h. 86.

## **Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah: Keintelektualan Sepanjang Zaman**

Sejak dari abad ke-16M dan ke-17M, Kerajaan Johor telah membuka mata dunia dengan melahirkan dua buah karya persuratan agung dan termasyhur, *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*. Karya-karya ini melambangkan keintelektualan pujangga Johor yang tinggi dan juga terbukti bahawa dua buah karya ini sentiasa mempunyai ruang untuk diteliti dari pelbagai cabang ilmu. Kedua-dua karya telah diiktiraf sebagai ‘Warisan Dunia’ oleh UNESCO. *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* telah diletakkan statusnya sebagai karya agung. Pada dasarnya, karya agung Melayu adalah penulisan yang mampu membentuk warisan budaya bangsa, merakamkan budaya ilmu yang tinggi, mencetuskan falsafah serta nilai-nilai hidup yang tinggi dan murni. Karya agung juga mampu meletakkan asas atau landasan yang kukuh dan menjadi tradisi bagi sesuatu pemikiran, bukan sahaja untuk masyarakat zaman ia ditulis tetapi juga untuk generasi berikutnya. Malahan, karya ini berjaya menjadi legenda yang kekal dalam minda bangsanya.<sup>2</sup>

Tun Sri Lanang, mempamerkan kehebatan kepujanggaan Melayu kerana *Sulalatus Salatin* digarap dengan nilai kebijaksanaan atau kearifan Melayu dalam mentafsir budaya politik tempatan secara tersurat apatah lagi tersirat. Bermula dengan menyusur galurkan salasilah raja-raja Melayu dari Iskandar Zulkarnain, Raja Nusyirwan Adil, Bukit Siguntang Palembang, Bentan, Singapura, Muar sehingga ke Melaka lalu disambungkan pula sehingga ke Johor, pengarang merawikan gabungan pelbagai unsur tradisi lisan, legenda sejagat, kepercayaan rakyat dan mitos untuk menghasilkan suatu keyakinan rakyat terhadap kewibawaan raja-rajanya dengan sangat halus. Setelah itu, peristiwa ‘waadat/waad’ dimasukkan sebagai satu perlambangan kontrak sosial antara raja dan rakyat atau golongan pemerintah dan golongan diperintah melalui istilah ‘patik’ dan ‘tuanku’.<sup>3</sup> Persetiaan yang dimeterai sebagaimana yang digarap oleh Tun Seri Lanang menggambarkan bahawa telah ada kepercayaan di dalam budaya Melayu berhubung rapat dengan aspek kuasa dan taat setia. Pemerintah memikul tanggung jawab kuasa manakala rakyat yang merupakan kelompok diperintah memikul tanggungjawab setia. Dengan kata lain, pengarang menggambarkan telah ada pegangan dalam kalangan masyarakat Melayu bahawa rakyat itu bersetuju untuk taat setia kepada pemerintahnya sementara pemerintah berjanji untuk bertanggung jawab memelihara maruah rakyatnya agar tidak diaibkan. Perjanjian ini boleh terbatal sekiranya mana-mana pihak melakukan pengkhianatan.<sup>4</sup>

Pengarang kemudian melanjutkan pengisahan tentang kesultanan Melaka di dalam *Sulalatus Salatin*, sekaligus memberikan cerminan corak pemikiran masyarakat Melayu melalui elemen taat setia, daulat, derhaka, tulah dan lain-lain situasi berkaitan kepimpinan Melayu tradisi. Selain itu, episod nasihat dan wasiat yang terkandung sebelum kewafatan Sultan Mansur Shah<sup>5</sup> dan Bendahara Tun Perak<sup>6</sup>

<sup>2</sup> Lokman Abdul Samad (2001), *Hikayat Hang Tuah, Suatu Pembicaraan Karya Agung dari Pelbagai Aspek*, Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, h. 7-8.

<sup>3</sup> *Sulalatus Salatin* mencatatkan persetiaan tersebut sebagaimana berikut:

Seperkara lagi, perjanjian patik mohonkan anugerah ke bawah duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadiahkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi.”

Maka titah Seri Teri Buana, “Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman.” Maka sembang Demang Lebar Daun, “Janji yang mana itu, patik pohonkan titah duli Yang Maha Mulia.” Maka titah Seri Teri Buana, “Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga.”

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku.” Maka titah Seri Teri Buana, “Baiklah paman, kabullah hamba akan wa’ad itu.” Maka baginda pun bersumpah-sumpahanlah dengan lebar daun.

Lihat A. Samad Ahmad (peny.) (2013), *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 25-26.

<sup>4</sup> P.E. de Josselin de Jong (1965), “The Rise and Decline of National Hero,” *JMBRAS*, Jil. XXXVIII, Bil. 2, h. 150.

<sup>5</sup> Wasiat terakhir Sultan Mansur Shah kepada putera baginda Raja Hussain (Sultan Alaluddin Riayat Shah) antaranya mengandungi nasihat-nasihat sebagai seorang pemimpin yang baik dan mendapat barakah dari Allah Taala iaitu:

- i. Menjadi pemimpin yang seadilnya.
- ii. Tidak boleh mengambil hak orang yang tidak sepatutnya.
- iii. Membantu rakyat yang kesakitan dan teraniaya.
- iv. Menyiasat atas sesuatu perkara sebelum membuat keputusan.
- v. Bermuafakat dengan para pembesar dan menteri.
- vi. Memelihara kesejahteraan rakyat. Dan ungkapan yang sangat masyhur diucapkan baginda di sini, “rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah raja itu dengan segala rakyatnya.”

Lihat A. Samad Ahmad (2013), *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, h. 172.

<sup>6</sup> Wasiat Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada segala anak cucunya, dikarang oleh Tun Seri Lanang dengan bahasa yang sangat indah dan teliti. Kekuahan agama amat dititik beratkan dan menjadi tunjang terhadap segala aspek kehidupan. Dimulakan dengan ayat, “Hei segala anak cucuku, jangan kamu tukarkan agamamu dengan dunia yang tiada kekal adanya ini.” Anak cucunya juga diperintahkan untuk sentiasa

memperlihatkan unsur keintelektualan pemikiran Melayu dalam tatacara bernegara dan hala tuju berkerajaan.

Pengarang *Sulalatus Salatin* iaitu Tun Sri Lanang yang juga merupakan bendahara kerajaan Johor, telah membuktikan tahap keilmuannya yang bersifat antarabangsa. Di dalam karya ini dimuatkan episod pelbagai rantau mencakupi hampir seluruh alam Melayu malah melewati hingga ke Champa, China dan India.<sup>7</sup> Jelasnya, *Sulalatus Salatin* adalah bukti keintelektualan Tun Sri Lanang yang tidak boleh disangkal. Hal ini ditegaskan sebagaimana berikut:

Tidak dinafikan bahawa yang menjadikan karya ini sebuah karya yang agung ialah segala unsur yang mengindahkan hikayat itu daripada segi gaya bahasa persuratannya, kemasukan unsur bijaksana dan kelucuan, unsur sindiran dan perlambangan, peribahasa dan perbidalan, pantun, seloka dan gurindam, baik dalam bahasa Melayu mahupun dalam bahasa Arab, Jawa dan lain-lain, ketegangan, strategi, daya muslihat, ketajaman permerhatian, perbandingan dan berbagai-bagai lagi, yang digemblengkan dengan konsep sejarah masyarakat Melayu tradisional.<sup>8</sup>

Selain *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Hang Tuah* turut ditulis dalam tempoh pendirian kerajaan Johor walaupun sehingga kini tidak pernah diketahui siapakah pujangga asalnya. Biarpun terdapat pendapat yang menyebut bahawa karya ini berkemungkinan besar telah mula ditulis dalam tempoh Kesultanan Melayu Melaka, namun diyakini juga ia disalin dan ditulis semula di Johor pada abad ke-17M, bersesuaian dengan garapan episod-episod yang terkandung di dalamnya. Pengarang sebenar yang tidak dapat dikenal pasti ini jelasnya memiliki nilai intelek yang luar biasa.<sup>9</sup> *Hikayat Hang Tuah* dihasilkan sebagai satu lambang aspirasi dan cita-cita orang Melayu yang memiliki ketinggian nilai setia, taat, berani, bijaksana dan pelbagai nilai tinggi lain dalam diri Hang Tuah. Mungkin tiada manusia sesempurna Hang Tuah sebagaimana yang dirawikan, namun keberadaannya dalam karya ini sebagai simbol dan analogi pemikiran dan keinginan manusia Melayu, amat mendalam ditonjolkan.<sup>10</sup> Sebagaimana juga yang dinyatakan juga dengan jelas di awalan karya oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah*, “*Bismi’llah al-Rahman al-Rahim wabihi nasta’inu billahi Ta’ala. Ini hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya.*”<sup>11</sup> Justeru terdapat sarjana yang mengkategorikan karya ini sebagai sebuah ‘epik rakyat’.

Selain itu, wajar juga dipetik pandangan Mohd Taib Osman dalam mengkategorikan karya ini sebagai epik Melayu asli yang terbesar dan terpenting dalam kesusasteraan Melayu kerana memiliki ciri-ciri berikut:<sup>12</sup>

membuat kebaikan dan patuh kepada pemimpin yang adil sebagaimana firman Allah di dalam al-Quran. Beberapa lagi nasihat dirawikan kepada Tun Mutahir dan Sultan Mahmud yang ditutup dengan ucapan, “Hendaklah tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya; jika lau tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah, akibat tuanku menyesal kelak. Bahawa yang kehendak nafsu itu daripada was-was syaitan.” Lihat A. Samad Ahmad (2013), *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, h. 190-191.

<sup>7</sup> Dalam pada itu, perlu juga dilihat bahawa *Sulalatus Salatin* ini ditulis satu abad setelah kejatuhan Melaka di tangan Portugis. Malahan, pada ketika karya ini ditulis, Johor sedang mengalami konflik dengan Aceh dan kedudukan Johor kuranglah memberangsangkan. Maka tidak hairanlah, timbul kesedaran yang tinggi dalam pemikiran Tun Sri Lanang dan Raja Abdullah untuk ‘mengembalikan’ memori kegemilangan dan mengenang sejarah silam. Kenangan ini digarap seawalnya dari elemen salasilah raja-raja Johor yang bermula dari Melaka, ikatan kekeluargaan dengan Pahang seterusnya kegemilangan kesultanan Melayu tersebut. Sesuai dengan awalan karya ini yang berbunyi:

“... Tun Muhammad, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Narawangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan...”

Pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alau’d-Din Riayat Syah zillullah fil-alam, anak Sultan ‘Ali Jalla Abdul Jalil Syah, akhir Sultan Muzaffar Syah ibni Sultan Alau’d-Din Riayat Syah, ibni Sultan Mahmud Syah, cucu Sultan Alau’d-Din Syah, cicit Sultan Mansur Syah, piut Sultan Muzaffar Syah, anak Sultan Muhammad Syah...”

Lihat A. Samad Ahmad (2013), *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, h. 2-3.

<sup>8</sup> Siti Hawa Haji Salleh (1997), “Kepengarangan Tun Sri Lanang,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, h. 57.

<sup>9</sup> Siti Hawa Salleh pernah menyarankan bahawa karya ini dikarang, diolah dan disusun oleh lebih dari seorang penulis. Dan atas faktor tersebutlah, mereka merasakan tidak berhak untuk mencatatkan nama-nama mereka atau salah seorang dari mereka sebagai pengarang. Lihat Siti Hawa Salleh (2012), *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 5.

<sup>10</sup> Menurut Noriah Taslim, *Hikayat Hang Tuah* sebagai sebuah tulisan yang menyorot tentang tatasusila dan adab seorang hamba, iaitu Hang Tuah terhadap tuannya, Raja Melaka. Lihat Lokman Abdul Samad (2001), *Hikayat Hang Tuah, Suatu Pembicaraan Karya Agung dari Pelbagai Aspek*, h. 13.

<sup>11</sup> Siti Hawa Salleh (2012), *Hikayat Hang Tuah*, h. 45 dan 11.

<sup>12</sup> Lokman Abdul Samad (2001), *Hikayat Hang Tuah, Suatu Pembicaraan Karya Agung dari Pelbagai Aspek*, h. 11.

1. Wiranya mempunyai kedudukan yang amat tinggi dalam sejarah bangsanya dan ada kalanya pada dunia antarabangsa.
2. Latar tempat yang amat luas dengan latar masa yang sangat panjang.
3. Hang Tuah selaku wiranya, mempunyai sifat-sifat yang unggul seperti gagah berani, ahli diplomat yang pintar, taat setia, pemurah, penyayang dan tidak mempunyai sifat dengki apatah lagi tamakkan pangkat.
4. Hang Tuah disimbolkan sebagai seorang yang gagah berani, bukan sahaja dari segi lahiriahnya tetapi juga melalui kesaktian.
5. Pengarang memiliki sifat yang objektif dalam pengarangannya. Misalnya merawikan dengan ‘cantik’ episod pertikaman Hang Tuah dan Hang Jebat tetapi tidak memperlihatkan ciri berpihak. Namun, di sebalik pantang derhaka sebagai nilai tertinggi, pengarang juga turut memaparkan secara eksplisit penderhakaan Hang Jebat, walau pun Hang Jebat bertindak menggugat fitnah terhadap seorang sahabat.<sup>13</sup>

### **Masyarakat Johor dalam Tradisi Persuratan Abad ke-19M**

Pada abad ke-19M wilayah Riau menjadi pusat perkembangan persuratan dan keintelektualan masyarakat Johor. Aktiviti persuratan telah dipelopori oleh warisan keluarga Raja Haji Fisabilillah seperti Raja Ahmad dan diikuti oleh anaknya Raja Ali Haji juga keturunannya yang lain. Banyak karya dilahirkan oleh keluarga ini termasuk karya berbentuk kesusasteraan, sejarah, puisi, agama dan lain-lain lagi. Kebanyakan karya mereka telah mula dikumpul, dibuat kajian dan diterbitkan oleh sarjana-sarjana Belanda atas alasan tersendiri ataupun mendapat arahan dari Batavia ketika mereka masih berada di Riau. Contohnya H.T. von de Wall, H.C. Klinkert, Elisa Netscher<sup>14</sup>, Walbeehm, C.P.J. Elout<sup>15</sup> dan sebagainya.

Raja Ahmad merupakan tokoh intelek Johor-Riau yang disegani. Beliau dilahirkan pada tahun 1778M (1193H) di Kota Piring, Pulau Biram Dewa. Jika disusur-galurkan dari awal keturunannya, maka didapati Raja Ahmad adalah cucu kepada Opu Daeng Chelak, salah seorang daripada Opu Bugis Lima Bersaudara<sup>16</sup> yang juga pernah menjawat jawatan paling berpengaruh dalam kerajaan Johor pada abad ke-18M iaitu Yang Di Pertuan Muda (ke-2). Beliau juga merupakan anak bongsu lelaki dari Raja Haji<sup>17</sup> yang ketika itu telahpun bergelar Yang Di Pertuan Muda Johor ke-4. Ketika ayahandanya tewas dan meninggal dunia dalam peperangan dengan Belanda di Melaka, Raja Ahmad baru berusia enam tahun. Beliau membesar di beberapa buah tempat misalnya seketika di Selangor apabila abangnya Raja Jaafar dikurniakan daerah Klang oleh Sultan Selangor. Apabila Raja Jaafar dilantik sebagai Yang Di Pertuan Muda ke-5 dan menetap di Pulau Penyengat, Raja Ahmad juga turut serta. Dari sudut keintelektualan, Raja Ahmad juga terkenal sebagai pujangga Melayu yang menghasilkan karya-karyanya yang masyur seperti *Syair Engku Puteri*, *Syair Siti Zawiyah*, *Syair Raksi* dan *Syair Perang Johor*. Beliau juga menggalakkan minat anaknya dalam bidang penulisan dan pernah membawa Raja Ali Haji ke Mesir

<sup>13</sup> Zainal Abidin Borhan (2015), “Tamadun Melayu Johor: Kepujungan dan Keintelektualan,” Prosiding Persidangan Tamadun Melayu Johor, Kerajaan Negeri Johor, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru, 11-13 November, h. 190.

<sup>14</sup> Von de Wall merupakan seorang Penolong Residen Riau Kelas Pertama pada tahun 1855. Beliau telah menerbitkan sebuah kamus yang disusun oleh Raja Ali Haji dan Haji Ibrahim b. Syahbandar Abdullah. Klinkert pula telah mengumpul lebih 90 manuskrip sepanjang berada di Riau selama 2 ½ tahun. Netscher, Residen Riau pula telah mengumpul, menterjemah dan menerbitkan banyak karya-karya Melayu ke dalam jurnal Belanda. Lihat Barbara Watson Andaya dan Virginia Matheson (1978), “Islamic Thought and Malay Tradition: The Writings of Raja Ali Haji of Riau (ca. 1809-1870),” dalam Anthony Reid dan David Marr (ed.), *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Heinemann, h. 108-128.

<sup>15</sup> Walbeehm adalah seorang jeneral yang mengiringi Residen dalam upacara rasmi. Beliau telah menyuruh Encik Said dan Haji Ibrahim untuk menyalin karya *Undang-undang Melayu*, *Hikayat Gulam* dan *Syair Perang Johor*. Identiti Walbeehm turut disebut di dalam *Syair Kawin Tan Tik Cu* ketika beliau bersama keluarganya menghadiri majlis perkahwinan tersebut. C.P.J. Elout pernah menjadi Residen Riau dari 1826-1830. Beliau amat berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai Indonesia dan menyuruh Encik Ismail b. Datuk Karkun menyalin naskhah seperti *Undang-undang Melayu*, *Hikayat Mareskalek* dan sebagainya di pejabat Residennya di Tanjung Pinang. Lihat Mu'jizah dan Maria Indra Rukmi (1998), *Penelusuran Penyalinan Naskhah-naskhah Riau Abad XIX: Sebuah Kajian Kodikologi*, Jakarta: Fakultas Sastra Universitas Indonesia, h. 117-119.

<sup>16</sup> Opu-Opu Bugis Lima Bersaudara tersebut iaitu Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Menambun, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi bersama bapa mereka Daeng Rilekke mengembara dari Kerajaan Luwu'di Sulawesi Selatan ke sebelah barat Kepulauan Melayu sejak awal abad ke-18. Lihat Shaharil Talib (peny.) (1991), *Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu*, Ipoh: The House of Teuku Ismail Sdn. Bhd., h. 15. Lihat juga perbincangan tentang isu ini di dalam Mardiana Nordin (2001), “Hubungan dan Pertikaian Suku Melayu – Suku Bugis Di dalam Kerajaan Johor, Abad ke-18 dan ke-19,” *Purba: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Jil. 20, h. 41-48.

<sup>17</sup> Raja Haji dilahirkan di Kota Lama, Hulu Riau pada tahun 1725. Beliau merupakan Yang Di Pertuan Muda Kerajaan Johor ke-4. Raja Haji adalah putera Daeng Chelak, Yang Di Pertuan Muda ke-2 dan bondanya bernama Tengku Mandak, puteri Sultan Sulaiman (1722M-1760M). Beliau terdiri daripada enam beradik dan salah seorang saudaranya Raja Lumu menjadi Sultan Selangor yang pertama bergelar Sultan Sallehuddin. Raja Haji terkenal sebagai seorang pahlawan malahan terburun (disebut syahid) semasa perperangan dengan Belanda di Melaka pada tahun 1784M. Lihat *Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu*, h. 19. Lihat juga; *Sejarah Perjuangan Raja Haji Fisabilillah dalam Perang Riau Melawan Belanda (1782-1784)* (1988), Riau: Pemerintah Propinsi Daerah Tingkat 1, h. 29.

untuk menuntut dan mendalami ilmu ketika Raja Ali Haji berusia 19 tahun. Raja Ahmad ketika itu menyertai rombongan pertama anak raja Bugis menunaikan haji.<sup>18</sup>

Maka tidak hairanlah Raja Ali Haji mewarisi keintelektualan bapanya dan menjadi tokoh yang disegani dengan nilai intelek yang luar biasa. Dari segi latar belakangnya, Raja Ali Haji dilahirkan pada tahun 1809M di Pulau Penyengat.<sup>19</sup> Selain moyangnya Daeng Chelak, moyang saudaranya (Daeng Marewah), datuknya (Raja Haji) dan bapa saudaranya (Raja Jaafar) turut pernah menjadi Yang Di Pertuan Muda. Malahan jawatan ini turut pernah disandang oleh sepupu-sepupunya iaitu Raja Abdul Rahman, Raja Ali dan Raja Abdullah, putera dari Raja Jaafar. Sebahagian besar ahli keluarganya (dari moyang-moyang saudara, datuk-datuk saudara dan sepupu-sepupunya) pernah muncul sebagai pemimpin Bugis yang berpengaruh di alam Melayu.<sup>20</sup> Sehingga tahun 1870M pengaruh politik Raja Ali Haji telah menjangkau hampir empat dekad dan pihak Belanda mengakui kepimpinan beliau dalam kalangan masyarakat Johor-Riau. Orang Melayu memandang tinggi kepada Raja Ali Haji sebagai seorang Muslim yang taat dan ‘ahli’ dalam adat.<sup>21</sup> Pihak Belanda pula memandang beliau sebagai, “... *bahaya terhadap kontrol administrasi di Riau. Residen Netscher menggambarkan Raja Ali Haji sebagai cendekiawan yang sangat fanatik.*”<sup>22</sup> Menurut Netscher lagi, Raja Ali Haji tidak menyenangi orang Belanda dan tidak mahu bersahabat langsung dengan orang Eropah.<sup>23</sup> Di dalam tulisan Maier, yang menggunakan sumber surat-surat peribadi Raja Ali Haji kepada Van der Wall, beliau menggambarkan Raja Ali Haji sebagai, “... *mempunyai harga diri yang cukup besar. Kepercayaannya pada diri sendiri cukup kuat. Dia bersandar pada ilmu dan keahlian. Impiannya agung. Keingintahuannya besar. Hatinya putih dan sepi.*”<sup>24</sup>

Keintelektualan Raja Ali Haji sering dikaitkan dengan lahirnya dua buah karya agung beliau iaitu *Tuhfat al-Nafis* dan *Gurindam Dua Belas*.<sup>25</sup> Kedua-dua karya tersebut menjadi bahan kajian sejarah, sastera, budaya, filologi dan ilmu yang lain sejak bertahun-tahun yang lalu sehingga kini. Hakikatnya, terdapat banyak karya yang telah ditulis oleh beliau. Raja Ali Haji menyedari tentang kepentingan mata pena sebagai senjata dan medium intelektual dalam membangkitkan atau menjatuhkan sesuatu situasi mengatasi kekuatan pedang sendiri. Sebagaimana yang beliau catatkan di dalam karyanya *Bustan al-Katibin*, “... *segala pekerjaan pedang itu boleh dibuat dengan kalam, adapun pekerjaan kalam itu tiada boleh dibuat dengan pedang, dan berapa ribu laksamana pedang yang sudah terhunus dengan segores kalam jadi tersarung.*”<sup>26</sup> Beliau bangkit sebagai seorang penulis yang bukan sahaja terbatas kepada satu-satu genre. Setiap cabang penulisannya pula berdiri sebagai hasil karya berkualiti dan dikagumi pada zamannya.<sup>27</sup> Boleh dikatakan lahir di tengah-tengah dunia kepengarangan Melayu di Pulau Penyengat, walaupun mungkin beliau bukan satu-satunya namun, Raja Ali Haji ini boleh dilihat sebagai yang

<sup>18</sup> Lihat Abu Hassan Sham (1995), *Syair-Syair Melayu Riau*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 209. Lihat juga Abdul Rahman Kasbon (1970), “Perbandingan Raja Ali Haji dan Abdullah bin Abdul Kadir Munshi sebagai Sejarawan,” *Dewan Bahasa*, Bil. 12, Disember h. 558.

<sup>19</sup> Muhammad Yusoff Hashim (1986), “Sheikh Nuruddin Ar-Raniri dan Raja Ali Haji dalam Pensejarahan Melayu,” *Monograf Sejarah: Pensejarahan Sosio-Politik, Sejarah Tempatan dan Hubungan Antarabangsa*, Bil. 1, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaya, h. 12. Lihat juga Mohd. Taib Osman (1988), “Raja Ali Haji dari Riau: Apakah Tokoh Transisi atau Pujangga Klasik Yang Akhir Sekali?” *Bunga Rampai Kebudayan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 73; Muhd. Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya (1988), *Sejarawan dan Pensejarahan, Ketokohan dan Karya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 245.

<sup>20</sup> Lihat contohnya Daeng Menambun di Mempawah, Daeng Kemasi di Sambas, Daeng Parani di Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat, Daeng Kemboja sebagai Yang Di Pertuan Muda Johor ke-3, Raja Lumu sebagai Sultan Selangor pertama, Raja Jaafar sebagai Yang Di Pertuan Muda Johor ke-5 dan sepupu-sepupunya yang pernah menjadi Yang Di Pertuan Muda Kerajaan Riau abad ke-19M seperti Raja Abdul Rahman, Raja Ali, Raja Abdullah dan Raja Muhammad Yusuf (anak saudara pupunya).

<sup>21</sup> Justeru tidak menghairankan apabila Profesor Nurhayati yang menghasilkan sebuah penulisan tentang biografi seorang tokoh wanita bernama Colliq Pujie, satu-satunya tokoh lelaki yang beliau berikan bandingan adalah Raja Ali Haji. Sebagaimana catatan beliau, “... sambil membuka lembaran Sejarah Melayu, pastilah kita akan bertemu dengan sosok Raja Ali Haji yang terkenal akan keberaniannya melawan kolonial.” Lihat Nurhayati Rahman (2008), *Retna Kencana Colliq Pujie Arung Pancana Toa 1812-1876, Intelektual Penggerak Zaman*, Makassar: La Galigo Press, h. 1.

<sup>22</sup> Suwardi MS (1985), “Konsep Melayu Menurut Sumber Sejarah,” Pertemuan Budaya Melayu Riau di Pekan Baru, Indonesia, 27 Januari, h. 13.

<sup>23</sup> Virginia Matheson (1991), *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu-Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 49.

<sup>24</sup> Hendrik M.J. Maier (2001), “Raja Ali Haji dan Hang Tuah: Arloji dan Mufassar,” *Sari*, Jil. 19, h. 165.

<sup>25</sup> Raja Ali Haji mentakrifkan ‘gurindam’ itu sebagai, “...perkataan yang bersajak juga pada akhir pasangannya tetapi sempurna perkataannya dengan satu pasangan sahaja. Jadialah seperti sajak yang pertama itu syarat (isyarat) dan sajak yang kedua itu jadi seperti jawab”. Lihat Hasan Junus (1988), *Raja Ali Haji Budayawan Di Gerbang Abad XX*, Pekan Baru: Universitas Islam Riau Press, h. 169.

<sup>26</sup> Hasan Junus (1988), *Raja Ali Haji Budayawan Di Gerbang Abad XX*, h. 20.

<sup>27</sup> Menuru Hasan Junus, Raja Ali Haji sebenarnya meneruskan rentak penulisan yang telah hadir sebelum keaktifannya. Misalnya, dalam bidang sejarah beliau meneruskan kerja penyelidikan terhadap catatan-catatan yang pernah dibuat oleh Engku Busu sebelum ini yang merujuk kepada karya sebelah barat (Siak), Timur (Mempawah) dan karya-karya berbahasa Arab mahupun puisi-puisi Parsi. Selain itu, beliau juga mewarisi kepandaian merangkai syair dari bapanya Raja Ahmad (Engku Haji Tua) malahan menyambung usaha penulisan bapanya yang terbengkalai. Lihat Hasan Junus (1988), *Raja Ali Haji Budayawan Di Gerbang Abad XX*, h. 21.

paling berbakat.<sup>28</sup> Beliau adalah pengarang yang serba boleh. Raja Ali Haji dapat melahirkan banyak karya daripada bidang-bidang yang berlainan seperti agama, sejarah, sastera mahupun bahasa.<sup>29</sup> Keintelektualan beliau terbukti dengan lahirnya karya-karya sebagaimana Jadual 1.

**Jadual 1: Karya-karya Raja Ali Haji dalam Pelbagai Genre**

| Bil | Genre                             | Judul Karya   |
|-----|-----------------------------------|---|
| 1   | Bahasa dan Sastera                | <i>Bustan al-Katibin (Taman Para penulis)</i> (1851M)<br><i>Kitab Pengetahuan Bahasa</i> (1858M)  |
| 2   | Sejarah                           | <i>Tuhfat al-Nafis</i> (1866M)<br><i>Silsilah Melayu dan Bugis</i> (1865M) dan <i>Syair Raja Haji</i> (yang dimuatkan di dalam karya ini)   |
| 3   | Sejarah Islam                     | <i>Syair Sinar Gemala Mestika Alam</i>  |
| 4   | Ketatanegaraan/Hukum /Perundangan | <i>Thamarat al-Muhimmah</i> (1857M)<br><i>Muqaddimah fi Intizam al-Wazaif al-Muluk Khususan Maulana wa Sahibina wa Akhina Yang Di Pertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir lil Biladi al-Riauwyah Wa Sairi Dairatihi</i> (1857M) |
| 5   | Nasihat                           | <i>Gurindam Dua Belas</i> (1846M)   |
| 6   | Keagamaan                         | <i>Syair Suluh Pegawai/Syair Hukum Nikah</i><br><i>Syair Siti Sianah Sahib al-Fatafat wal-Amanah</i>  |
| 7   | Fiksyen                           | <i>Syair Abdul Muluk</i> (1847M)  |

*Tuhfat al-Nafis* adalah contoh karya yang menjadikan Johor sebagai tumpuan para intelek dalam memahami sejarah serta kebudayaan Johor termasuklah juga wilayah serantaunya. *Tuhfat al-Nafis* menghimpunkan kepelbagai kearifan seorang pengarang Melayu. Skop kepengarangan yang luas (meliputi Kerajaan Johor-Riau, melewati sehingga ke Sumatera, Kalimantan, Jawa dan Sulawesi), menyusur galurkan hubungan kekerabatan raja-raja Melayu dari pelbagai negeri, budaya politik abad ke-18-19M dan pengarang menggabungkan pelbagai sumber sebelum menggarap, memberi interpretasi malahan menganalisis peristiwa dengan akal budi dan emosi. Bahagian kedua *Tuhfat al-Nafis* pula ditulis bersandarkan kepada kedudukan pengarang sendiri sebagai saksi mata dan sumber utama. Ciri-ciri di ataslah menjadikan *Tuhfat al-Nafis* sebagai hasil intelek yang tidak pernah habis dikaji oleh sarjana kini sama ada di dalam atau di luar negara. Apa yang nyata, Raja Ali Haji menulis *Tuhfat al-Nafis* sebagai satu wadah mengembalikan nostalgia kegemilangan dan kehebatan nenek moyangnya (Opu Bugis Lima Bersaudara) mengukuhkan pengaruh mereka dalam kerajaan Johor pada abad ke-18M, menjelaskan hubungan kekerabatan raja-raja di alam Melayu dan keserumpunan Melayu yang telah lama berakar umbi serta masih dihargai.<sup>30</sup>

Selanjutnya, *Gurindam Dua Belas* pula adalah satu bentuk karya nasihat memiliki nilai estetika yang tinggi. Raja Ali Haji menulisnya sebagai nasihat kepada pemerintah Riau dan nasihatnya turut diwarnai dengan unsur tasawuf. Karya ini memperlihatkan kedaulatan sebuah kerajaan bukan semata-mata keluasan wilayah dan jajahan takluknya, atau unsur-unsur mistik seseorang raja dan kerajaan, tetapi menjelaskan perihal berkaitan dengan etika moral dan akhlak mulia pemerintah mahupun rakyatnya. Lihat misalnya fasal ke-12 gurindam yang masyhur ini dan sering diungkapkan seperti berikut:

<sup>28</sup> Namun perlu juga disedari bahawa Raja Ali Haji itu membesar di dalam zaman kemerosotan kerajaan Melayu Johor-Riau lantaran berkembangnya pengaruh juga kuasa Belanda dan British. Lebih menyediakan apabila Perjanjian London ditandatangani pada tahun 1824M itu memecahkan bukan sahaja sempadan politik tetapi dunia kekeluargaan diraja Melayu Johor-Riau itu. Oleh itu, di zaman kegentingan politik, banyak usaha dilakukan untuk meneroka bidang kebudayaan dan pensejarahan serta persuratan Melayu bagi mengenang kembali era keagungan Melayu kerajaan Johor-Riau yang lalu. Jelasnya, Raja Ali Haji turut mengambil peranan yang besar dalam usaha ini. Lihat Muhd. Yusof Ibrahim (2010), *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu, Warisan dan Kesinambungan*, Kuala Lumpur: Tinta Publishers, h. 67. Lihat juga Virginian Matheson (1991), *Tuhfat al-Nafis, Sejarah Melayu-Islam*, h. 7.

<sup>29</sup> Abu Hassan Sham (1993), *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15.

<sup>30</sup> Menurut Mohd Pozi Masurori, “Pada zaman itu Riau menjadi tumpuan para pedagang dan ilmuan khususnya dari Timur Tengah dan daerah-daerah Nusantara lainnya. Pergolakan politik yang melanda Kerajaan Riau Johor dan Lingga turut mempengaruhi jiwa pengarangnya dalam menanggapi dunia sekitarnya dan antarabangsa. Pertembungan peradaban Timur dan Barat yang berlaku di rantau ini (1770-an-1900-an Masihi) memunculkan bentuknya tersendiri (pusat kesusasteraan Riau) berbanding dengan pusat-pusat kesusasteraan lainnya.” Lihat Mohd. Pozi Haji Masurori (1997), “Raja Ali Haji dan Kepengarangannya,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, h. 69. Lihat juga perbincangan lanjut tentang Raja Ali Haji dan *Tuhfat al-Nafis* di dalam Mardiana Nordin (2001), “Raja Ali Haji dan Tuhfat al-Nafis,” *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jil. 29, h. 74-92.

*Raja muafakat dengan menteri  
Seperti kebun berpagar duri*

*Betul hati kepada raja  
Tanda jadi sebarang kerja*

*Hukum adil atas rakyat  
Tanda raja beroleh inayat*

*Kasihkan orang yang berilmu  
Tanda rahmat atas dirimu*

*Hormat akan orang yang pandai  
Tanda mengenal kasa dan cindai*

*Ingatkan dirinya mati  
Itulah adat berbuat bakti*

*Akhirat itu terlalu nyata  
Kepada hati yang tidak buta<sup>31</sup>*


Minat dan keupayaan intelek Raja Ali Haji turut dikongsi bersama dengan adik-beradik, anak-anak dan cucu-cicitnya. Adik beliau iaitu Raja Daud misalnya terkenal dengan karyanya berjudul *Syair Pengiran Syarif Hasyim* atau juga dikenali sebagai *Syair Perang Banjarmasin*. Antara karya anak-anak beliau pula adalah *Syair Burung* oleh Raja Hassan, *Syair Kumbang Mengindera* oleh Raja Sapiah dan *Syair Saudagar Bodoh* oleh Raja Kalzum.<sup>32</sup> Manakala cucu-cucunya yang terlibat sebagai pengarang di Riau ialah Raja Khalid Hitam, Raja Aisyah Sulaiman, Raja Muhammad Tahir, Raja Abdullah dan Raja Haji Ahmad. Begitu juga dua orang cicit Raja Ali Haji yang mempunyai kecenderungan yang sama iaitu Raja Haji Muhammad Said dan Raja Jumaat.

<sup>31</sup> “Gurindam Dua Belas: Raja Ali Haji,” dicapai pada 19 Disember 2021, <https://adoc.pub/gurindam-duabelas-raja-alihajiea0604d2876ce6e8d95ad3c225e84daa60724.html>.

<sup>32</sup> Abu Hassan Sham (1993), *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, h. 27-30.

**Rajah 1**

**Salasilah Raja Ali Haji**



Nota,

+: Perkahwinan

YDPM: Yang Di Pertuan Muda

Sumber: Diubahsuai dari, *Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu* (1991), Kuala Terengganu: The House of Tengku Ismail. Lihat juga; Abu Hassan Sham (1993), *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 84.

Sebenarnya, selain daripada hasil penulisan keluarga di atas, dalam tempoh yang sama juga lahir pelbagai karya yang menggambarkan keintelektualan masyarakat Johor. Karya seperti *Peringatan Sejarah Negeri Johor*<sup>33</sup> dan *Hikayat Negeri Johor* merupakan penulisan yang lebih bersifat catatan sejarah tanpa banyak olahan, kritikan dan emosi. Setiap peristiwa disusun secara kronologi dan sebahagian besarnya beserta tarikh. Catatan sebegini menggambarkan adanya budaya atau amalan mencatat peristiwa-peristiwa penting di istana Johor .

Karya *Aturan Satiya Bugis dengan Melayu* pula memperlihatkan kesedaran pemimpin Johor mengikat perjanjian dan sumpah setia dalam kepimpinan mereka. *Undang-Undang Johor (Hukum Kanun Johor)* turut ditulis setelah disesuaikan dengan mengikut zaman dan tempat berdasarkan *Hukum Kanun Melaka*. Menurut Abu Hassan Sham, kanun ini mula diperaktikkan pada zaman Sultan Mahmud

<sup>33</sup> Pengarangannya terdiri daripada kumpulan beberapa dokumen dan kisah yang mempersemprehankan kegiatan dan riwayat hidup Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722M – 1760M). Lihat Tatiana Denisova (2013), “Sejarah Penyebaran Islam di Alam Melayu Berasaskan Sumber-Sumber Sejarah Melayu Islam Kurun Ke-18 Hingga Ke-19,” *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 8, Bil. 1, h. 87.

Mangkat Dijulang. *Hukum Kanun Johor* mengandungi 66 fasal dan 22 fasal darinya mempunyai persamaan dengan *Hukum Kanun Melaka*.<sup>34</sup> Dicatatkan sebagaimana berikut:

Dari Johor teks berkenaan tersebar hingga ke Brunei. Semasa Aceh menyerang Johor, teks berkenaan dibawa balik ke Aceh dan pemerintah Aceh menstruktur kembali lantaran diperkenalkan teks berkenaan. Dalam kerangka ini Johor menjadi model kepada Aceh. Hampir kesemua kerajaan Melayu di Alam Melayu seperti Brunei, Sambas, Amannillah (Manila), Patani, Buton di Sulawesi Tenggara, meletakkan Johor sebagai berkaitan dengan asal muasal kesultanan mereka.<sup>35</sup>

Karya-karya yang bercorak syair dalam genre sejarah juga mula mendapat tempat dan lahir dengan banyaknya pada abad ke-19M. Antaranya seperti *Syair Perang Johor*,<sup>36</sup> *Syair Tanah Melayu*,<sup>37</sup> *Syair al-Marhum Baginda Sultan Abu Bakar*,<sup>38</sup> *Syair Pembukaan Parit Jawa Johor*<sup>39</sup> dan *Syair Perjalanan Sultan Lingga dan Yang Di Pertuan Muda Riau Pergi ke Singapura*. Selain itu terdapat dua buah karya, *Syair Singapura Terbakar* (*Syair Singapura dimakan Api*) dan *Syair Kampung Gelam Terbakar* yang dikarang oleh pujangga termasyhur Abdullah Munsyi.

Keluarga dan keturunan Raja Ali Haji di samping penulis-penulis yang lain sezaman dengannya bukan sahaja dilihat sebagai golongan intelek yang mengangkat genre sejarah, sastera, agama, ketatanegaraan, undang-undang, moral dan yang seumpamanya namun juga dilihat sebagai pendokong keutuhan dan pemeliharaan bahasa Melayu. Justeru, mereka boleh dianggap sebagai pembina bahasa Melayu melalui karya-karya mereka. Raja Ali Haji misalnya mengukuhkan struktur dan tatabahasa Melayu ini melalui karyanya *Bustan al-Katibin* seperti yang disebut di atas. Bahkan buku ini digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di Riau. Demikian juga *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang bercirikan kamus dan ensiklopedia pada zamannya. Raja Ali Kelana turut terkenal dengan buku bahasanya berjudul *Bukhiatul Aini Fi Hurufil Maani*.<sup>40</sup>

Selain daripada itu, menjelang abad ke-19M dan ke-20M, perkembangan intelektual turut berlaku di negeri Johor pada sebelah bahagian semenanjung selain wilayah Riau. Antara tokoh tempatan Johor yang menonjolkan keintelektualannya adalah misalnya Muhammad Ibrahim Munsyi,<sup>41</sup> Muhammad Salleh Perang dan Mejah Haji Muhammad Said Sulaiman. Ketiga-tiga mereka merupakan pegawai pentadbir bagi kerajaan Johor sekaligus memperlihatkan keintelektual yang mewakili bagi negerinya. Semasa kerajaan Johor dipimpin oleh baginda Sultan Abu Bakar, Muhammad Ibrahim Munsyi bergelar Dato' Bentara Dalam manakala Muhammad Salleh Perang pula bergelar Dato' Bentara Luar. Muhammad Ibrahim Munsyi juga pernah menjadi Setiausaha Kerajaan Johor (1882M) dan merupakan Ketua Jabatan Pelajaran Johor yang pertama (1883M).

<sup>34</sup> Abu Hassan Sham (1997), "Undang-Undang Johor Pra Abad ke-19," dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, h. 162-164.

<sup>35</sup> Zainal Abidin Borhan (2015), "Tamatun Melayu Johor: Kepujanggaan dan Keintelektualan," h. 191.

<sup>36</sup> Sebagaimana yang disebut di atas, diyakini syair ini dikarang oleh Raja Ahmad bersama-sama dengan *Syair Ungku Puteri*. Ia siap dikarang (disalin?) pada tahun 1260H. Syair ini mengandungi tiga peristiwa utama dalam sejarah Johor iaitu Perang Johor-Aceh, Perang Melaka (Portugis) - Johor yang juga melibatkan Belanda dan hubungan Johor-Patani. Mohd. Yusof Md Nor (1997), "Syair Perang Johor," dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, h. 129-134.

<sup>37</sup> Syair ini disalin dan ditulis oleh Muhammad Hassan bin Haji Jan. Karya ini telah pernah dicetak dan diterbitkan pada tahun 1900M di Singapura oleh Haji Muhammad Amin. Syair ini mengisahkan sejarah negeri Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar dan sejarah Pahang.

<sup>38</sup> Pengarang syair yang mengandungi 1400 rangkap ini dipercayai seorang Cina bernama Na Tien Piet yang berasal dari Bangkahulu. Dalam karya ini beliau menggunakan nama samarannya iaitu 'Peranakan Lingga'. Syair ini dicetak pada tahun 1898M di Singapura, memerihalkan pelbagai peristiwi di Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar termasuklah pembukaan Bandar Maharani dan lawatan baginda ke Eropah dan China. Noriah Mohamed (1997), "Shaer Almarhoeem Beginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor," dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, h. 84-102.

<sup>39</sup> Pengarang syair yang juga pernah dikenali sebagai 'Syair Penerokaan' ini adalah Haji Muhammad Nor bin Abdul Rahman yang dilahirkan di Parit Jawa pada tahun 1898M. Karya ini kelihatannya seperti sebuah autobiografi sama ada disedari atau tidak oleh pengarang semasa mengarangnya. Beliau adalah anak seorang petani (Wario) yang berasal dari Kuddus, Semarang, Java Tengah. Induk jalan cerita karya ini adalah kehidupan Wario dan penglibatannya sebagai orang kanan Penghulu Abdul Jabar semasa pembukaan Parit Jawa. Lihat makalah penuh yang ditulis oleh Rahmat Saripan (1997), "Syair Pembukaan Parit Jawa Johor," dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, h. 103-128.

<sup>40</sup> Aktiviti penulisan di Riau boleh berkembang luas antara faktornya adalah melalui Rusydiah Club. Kelab ini mengusahakan percetakan di Pulau Penyengat menggunakan nama organisasi percetakan seperti Mathabaatul Riawiyah atau Mathbaal Ahmadiyah.

<sup>41</sup> Muhammad Ibrahim Munsyi adalah anak kepada Munsyi Abdullah, seorang pujangga Melayu yang sangat dikenali khususnya melalui karyanya yang berjudul *Hikayat Abdullah Munsyi* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan*. Secara jelas, Muhammad Ibrahim mewarisi keintelektualan bapanya dan juga bakat penulisan yang tersendiri. Sebagaimana bapanya, Muhammad Ibrahim berbeza dari penulis-penulis tradisi dan bersikap sangat terbuka dalam penulisan. Beliau lebih 'berani' menyuarakan pendapat bagi menarik orang Melayu ke arah pembangunan diri dan bangsa khususnya melalui bahasa Melayu dan ilmu pengetahuan.

Muhammad Ibrahim Munsyi berperanan besar dalam meneruskan tradisi keintelektualan Johor melalui aktiviti persuratan dan pembangunan bahasa Melayu. Muhammad Ibrahim boleh diangkat sebagai tokoh yang memperjuangkan keutamaan bahasa Melayu. Beliau menghasilkan sebuah buku nahu bahasa Melayu berjudul *Pemimpin Jauhar* pada tahun 1877M dan *Kitab Pemimpin Johor* pada tahun 1878M dalam tulisan Jawi. Buku ini membicarakan tentang aturan bunyi bahasa Melayu, penggunaan perkataan dan jalan bahasa Melayu. Selanjutnya usaha sebegini disambung pula dengan menulis buku yang bertajuk *Benih Pengetahuan* pada tahun 1900M dan tentu sekali karya sejarahnya yang termasyhur di seluruh alam Melayu iaitu *Kisah Pelayaran Ibrahim Munshi* menjadi bukti keintelektualan beliau dan tersebar luas selepas dicetak dalam tulisan Jawi pada tahun 1919M.

### **Abad ke-20: Budaya Keintelektualan yang Berkesinambungan**

Masyarakat Johor terus aktif dalam tradisi kepengarangan dan mempamerkan kesinambungan keintelektualan mereka. Sebuah karya yang banyak membuka ruang dan menarik penyelidikan masyarakat dahulu hingga kini adalah *Tarekh Dato' Bentara Luar* yang dikarang oleh Muhammad Salleh Perang. Karya ini diterbitkan pada tahun 1928M oleh Al-Attas Press hasil himpunan dan suntingan Muhammad Haji Alias. Buku ini memiliki nilai intelek dan keunikan yang tersendiri dengan ditulis dalam bentuk dan gaya autobiografi (menjadikannya karya autobiografi Melayu yang terawal). *Tarekh Dato' Bentara Luar* bukan sahaja memuatkan latar belakang kisah hidup pengarang tetapi juga segala hal-ehwal yang bersangkutan dengan perkembangan kerajaan Johor, pentadbiran dan hubungan diplomatik.

Hakikatnya, Muhammad Salleh Perang sememangnya terkenal di Johor kerana sumbangan atas kebijaksanaan beliau. Malah beliau adalah orang Melayu pertama yang berjaya melakarkan peta negeri Johor. Di dalam karya inilah, Muhammad Salleh memerihalkan proses penghasilan peta tersebut yang mengambil masa selama tiga tahun untuk menyelesaikan kerja mengukur sebelum diakui oleh para juru ukur di London. Selanjutnya, pada tahun 1889M, beliau berjaya menyelesaikan kerja persempadan antara negeri Johor dengan Melaka (sehingga termasuklah Gunung Ledang di dalam bahagian negeri Johor). Setahun kemudian, kerja persempadan Johor-Pahang pula diselesaikan. Kejayaan Muhammad Salleh menjadi pelukis peta Melayu yang pertama telah meletakkan statusnya sebagai tokoh nasional, bukanlah tokoh negeri Johor semata-mata.

Selain dua orang tokoh yang dinyatakan di atas, Mejar Muhammad Said<sup>42</sup> yang juga dikenali dengan gelaran ‘Orang Teluk Belanga’ pula menunjukkan keintelektualannya sebagai penulis dan cendekiawan yang sangat prolifik khususnya dengan bukti persuratan beliau. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 60 buah buku dan kebanyakannya bergenrekan sejarah. Antara genre lain yang juga menjadi minat untuk beliau rekodkan dalam penulisannya adalah biografi, autobiografi, budaya, bahasa, perjanjian dan beberapa yang lain. Karya pertama beliau ditulis sekitar tahun 1904M dan karya terakhir berjudul *Riwayat Hidup Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Sulaiman Johor*, pada tahun 1955M.<sup>43</sup> Di bawah ini disenaraikan antara karyanya yang masyhur dan masih menjadi rujukan, penelitian juga sumber sejarah bagi sarjana sehingga hari ini:

**Jadual 2: Sebahagian Karya-Karya Mejar Haji Muhammad Said Sulaiman**

| Bil | Judul Karya   | Tahun Penghasilan (Masih) |
|-----|---|---------------------------|
| 1   | <i>Hikayat Queen Victoria</i>   | 1904                      |
| 2   | <i>Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar</i> <sup>44</sup> | 1908                      |

<sup>42</sup> Mejar Muhammad Said Sulaiman dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1876M. Beliau mendapat pendidikan formal Melayu dan Inggeris. Muhammad Said pernah dilantik sebagai Setiausaha Sulit kepada Sultan Ibrahim selama lebih 40 tahun sejak 1910M. Pada masa yang sama beliau aktif berkhidmat dalam pasukan askar Timbalan Setia Negeri Johor (Johor Military Forces) sehingga dapat menyandang pangkat Leftenan, Kapten dan akhirnya Mejar. Lihat A. Rahman Tang Abdullah (2011), *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar, Kajian, Transliterasi dan Terjemahan Bahasa Inggeris*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, h. 23-24. Perbincangan lanjut tentang tokoh ini juga boleh dirujuk kepada, Arba’iyah Mohd Noor (2011), *Mohd Said Sulaiman: Cendekiawan Terbilang*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

<sup>43</sup> Muhd. Yusof Ibrahim, (2011), *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu, Tradisi dan Transformasi*, Kuala Lumpur: Tinta Publishers, h. 3.

<sup>44</sup> Buku ini sering dilihat sebagai karya agung Muhammad Said. “...pengarang mempunyai kesedaran tentang kekosongan dalam penulisan sejarah tentang tokoh yang dibicarakan. Karya ini merupakan suatu sumbangan yang besar, terutamanya dalam menerangkan pelbagai aspek dan kegiatan keluarga Temenggung yang akhirnya menguasai Johor. *Hikayat Johor* juga berjaya memaparkan peranan yang dimainkan oleh

|   |  |      |
|---|--|------|
| 3 | <i>Pakai Patut Melayu</i>  | 1931 |
| 4 | <i>Jalan Bahasa Melayu</i>   | 1937 |
| 5 | <i>Johor Bahru Zaman Persekutuan</i>                                   | 1940 |
| 6 | <i>Buku Teriti Johor dan Pertambahannya</i>                            | 1941 |
| 7 | <i>Hikayat Johor (Penggal 2) dan Tawarikh YMM Ibrahim Sultan Johor</i> | 1947 |
| 8 | <i>Ringkasan Tawarikh Nippon</i>                                       | 1951 |
| 9 | <i>Riwayat Hidup Mejar Datuk Haji Muhammad Said bin Sulaiman Johor</i> | 1955 |

Selain tulisannya dalam bentuk buku, keupayaan keintelektualan Mejar Muhammad Said turut ditonjolkan dalam artikel-artikel majalah dan risalah, mencakupi pelbagai bidang keilmuan.

Selain daripada mengetengahkan hasil penulisan para intelek Johor, nilai keintelektualan turut dapat dikesan melalui gerakan berorganisasi, sama ada gerakan yang bersandarkan persuratan mahupun kebudayaan. Kesedaran intelek yang tinggi dalam kalangan cendekiawan Johor telah mendorong mereka untuk melahirkan sebuah organisasi persuratan yang dikenali sebagai Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa (Pa Ba Mim Pa Ba - ف.ب.م.ف.ب.) pada tahun 1888M di Johor Bahru. Kelahirannya adalah atas inisiatif Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak<sup>45</sup> dan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi. Secara jelas, bagi memastikan kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan, pakatan ini berfungsi menjadi medan perbincangan tentang bahasa sekaligus menubuhkan sebuah perpustakaan sebagai pusat sumber mengenai persoalan agama.<sup>46</sup> Pakatan ini dilihat berperanan dalam usaha membina dan mengembangkan bahasa Melayu secara terancang. Bagi usaha tersebut, mereka telah menerbitkan buku-buku mengenai tatabahasa, kamus dan yang seumpama dengannya. Manakala majalah yang menjadi lidah rasmi Pakatan adalah *Peredar*. Dikatakan, melalui gagasan Pakatan ini, semua pegawai Johor yang tidak mahir menggunakan bahasa Melayu dikehendaki mempelajari bahasa tersebut.

Muhammad Said Sulaiman kemudiannya turut menjadi penggerak penting kepada Pakatan ini. Beliau mengambil peranan meneruskan perjuangan Pakatan khususnya dalam persuratan dan budaya Johor bersama-sama dengan Dato' Abdullah bin Abdul Rahman, Dato' Awang bin Omar, Mejar Musa bin Yusof dan beberapa orang yang bermula dekad ketiga abad ke-20M sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Sumbangan dan peranan besar yang dimainkan oleh Pakatan ini kemudian diiktiraf oleh Sultan Ibrahim ibn Sultan Abu Bakar dengan mengurniakan Pakatan gelaran ‘Diraja’ disebut dengan ‘Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor’ (*The Royal Society of Malay Literature of Johore*).

Selain Pakatan, sebelum Perang Dunia Kedua juga lahir sebuah persatuan bahasa di Batu Pahat yang dikenali sebagai ‘Lembaga Bahasa Melayu’ pada tahun 1935M. Umumnya, Lembaga Bahasa Melayu adalah cabang dari PASPAM (Persaudaraan Sahabat Pena Malaya). Matlamat penubuhan PASPAM ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Pertubuhan ini dapat dianggap sebagai persatuan persuratan Melayu kerana mempunyai cita-cita untuk memanjangkan silaturahim dan kerjasama di kalangan para ahlinya dan untuk menanamkan semangat gemar membaca serta minat dalam bahasa dan kesusastraan Melayu dan juga untuk menubuhkan sebuah perpustakaan Melayu. Cogan kata pertubuhan ini ialah “Hidup Bahasa! Hiduplah Bangsa.”<sup>47</sup>

Golongan guru turut menyumbang dalam dunia keintelektualan di negeri Johor. Guru-guru Melayu Johor memainkan peranan penting dalam usaha memperkembangkan dan memajukan bahasa serta sastera Melayu. Melalui majalah bulanan *Jasa* yang mula dikeluarkan pada tahun 1927M, diterbitkan berbagai-bagai makalah yang mempamerkan perjuangan mereka. Manakala Persatuan Guru-Guru Perempuan Melayu Johor pula memperlihatkan kredibiliti yang sama dengan penerbitan majalah *Bulan*

Sultan Abu Bakar dalam bidang politik dan diplomasi.” Lihat Muhd. Yusof Ibrahim, (2011), *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu, Tradisi dan Transformasi*, h. 11.

<sup>45</sup> Dato' Abdul Rahman Andak juga antara pentadbir Kerajaan Johor yang disegani sebagaimana Muhammad Ibrahim Munsyi. Beliau pernah memegang beberapa jawatan yang penting di pejabat sultan, menjadi setiausaha dan penterjemah Inggeris Kerajaan Johor, Menteri Hal Ehwal Luar Johor, Setiausaha Kerajaan Negeri dan penasihat politik Kerajaan Johor.

<sup>46</sup> Md Ismail Zam Zam (2000), “Gerakan Organisasi Persuratan dan Budaya di Johor: Satu Tinjauan Umum,” Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, Johor Bahru, 3-6 Mei 2000, h. 1.

<sup>47</sup> Md. Ismail Zam Zam (2000), “Gerakan Organisasi Persuratan dan Budaya di Johor,” h. 3.

*Melayu* mulai tahun 1930M, hasil pimpinan Ibu Zain. Lain-lain majalah yang turut menjadi medan diskusi intelek di Johor adalah seperti *Al-Johoriah* (1932M) hasil usaha Md Salleh Alwi, *Pemuda* (1935M) di Batu Pahat oleh Mohd. Adnan Ariffin dan Daud Sulaiman dan *Idaman* (1940M) oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Batu Pahat.

Secara jelas, perkembangan intelektual di Johor (dan juga negeri-negeri Melayu yang lain) sebagaimana di atas amat berkait rapat dengan penggunaan tulisan Jawi. Persuratan Johor yang berkembang dalam pelbagai cabang ilmu direalisasikan dengan perkembangan tulisan Jawi dan menjadi sebahagian identiti Melayu. Tradisi menggunakan tulisan Jawi dalam kerajaan Johor adalah warisan keintelektualan sejak Kesultanan Melayu Melaka. Tradisi ini menjadi kekuatan dalam mengangkat bahasa Melayu sebagai *lingua franca*. Tulisan Jawi digunakan dalam hampir semua persuratan termasuk karya-karya intelek pelbagai genre, surat-menyurat rasmi (antara sesama kerajan Melayu mahupun dengan kuasa asing), perutusan kerajaan/istana, kontrak atau perjanjian (termasuk perjanjian dengan Belanda dan British), perundangan, cap mohor, duit syiling, batu nisan dan sebagainya. Biarpun pujangga Melayu terpengaruh untuk menggunakan frasa Arab bagi beberapa judul karya mereka seperti *Sulalatus Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Thamarat al-Muhibbin*, *Thamarat Matlub fi Anwaril Quluh*, *Bustan al-Katibin* dan yang lain, namun karya-karya ini sebenarnya ditulis dalam bahasa Melayu dan menggunakan tulisan jawi, memperlihatkan kearifan tempatan dalam mengadaptasi budaya Arab dan membentuk identiti tempatan. Justeru, dalam usaha memastikan penggunaan tulisan Jawi yang berterusan dan ditulis dengan baik, Pakatan telah menyusun sistem ejaan Jawi pada tahun 1936M dan diterbitkan pada tahun 1937M.<sup>48</sup>

Adalah tidak lengkap sebenarnya membicarakan keintelektualan Johor tanpa turut menyentuh hasil karya yang bersifat kreatif. Johor menghimpunkan begitu ramai golongan penulis dan karya kreatif intelek mereka. Antara tokoh berasal Johor yang menonjol sebelum Perang Dunia Kedua adalah seperti Abdullah Sidek<sup>49</sup>, Kasmani Haji Ariff,<sup>50</sup> Embong Yahya (Ngumba)<sup>51</sup> dan Shaharom Husain.<sup>52</sup> Penulis-penulis ini, ketika menghasilkan penulisan kreatif lazimnya mengetengahkan persoalan semasa masyarakat sebagai renungan dan tauladan. Terdapat juga karya mereka yang berteraskan sejarah dan politik semasa. Selain itu, melalui novel, cerpen atau lain-lain karya mereka, setiap penulis cuba untuk mengubah corak pemikiran orang Melayu yang akan ketinggalan dalam situasi yang tertentu mahupun menyampaikan sindiran dengan cara yang halus. Mereka cuba: "...menyerlah keupayaannya menghantar nada pembaharuan dengan teknik bercerita yang baik pada zamannya."<sup>53</sup>

Selepas Perang Dunia Kedua, golongan guru terus berusaha untuk menjadikan karya intelek mereka lebih terancang dan sampai kepada masyarakat umum. Melalui 'Lembaga Persuratan Guru-Guru Melayu (LPGM) Johor Bahru' yang ditubuhkan pada tahun 1948M, guru-guru Melayu khususnya di Johor Bahru aktif menulis untuk menyampaikan buah fikiran, pengalaman dan pengetahuan mereka.

<sup>48</sup> Amat Juhari Moain (2000), "Sejarah Tulisan Jawi dalam Kesultanan Johor," Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, Johor Bahru, 3-6 Mei 2000, h. 21.

<sup>49</sup> Abdullah Sidek berasal dari Segamat Johor, dikatakan telah pernah menghasilkan 26 buah novel. Antara karyanya yang dikenali *Bercinta yang Tak Berfaedah* (1932M), *Siapakah Pembunuhan* (1937M), *Pengaruh Wang* (1939M), *Nasib Hasnah* (1940M), *Gara-gara Kahwin Paksa* (1948M), *Kerana Dia* (1950M) di samping banyak cerpen yang lain.

<sup>50</sup> Novel-novel karangan Kasmani Haji Arif adalah *Perempuan Pembunuhan* (1941M), *Suami Tergantung* (1941M) dan *Mencari Bapa*. Beliau juga banyak mengarang cerpen dan puisi yang dikompilasikan dalam buku berjudul *Puisi Baharu Melayu: Zaman Permulaan* (1959M) dan *Embun Pagi* (1981M).

<sup>51</sup> Menurut Othman Puteh, "... kehadirannya dalam bidang sastera-puisi moden-lebih ketara lagi dan malah sajak-sajak ciptaannya sejak tahun 1930-an Masih cukup banyak membawa semangat nasionalisme dan atau perjuangan ke arah kemerdekaan, keprihatinan terhadap nasib bangsa dan tanah air, dengan wacana lain penyair ini sering dikaitkan dengan gejolak politik pada zamannya." Lihat Othman Puteh (2000), "Sasterawan Johor Dalam Pemetaan Kesusastraan Melayu 1930-1960-an" Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, Johor Bahru, 3-6 Mei 2000, h. 4.

<sup>52</sup> Shahrom Husain mula terlibat secara aktif dalam bidang persuratan, kebudayaan dan persatuan pada tahun 1950-an Masih. Bermula dengan menganggotai Badan Kebudayaan dan Kesenian Sekolah Ayer Molek, Johor Bahru, badan Pembangunan Kebudayaan Melayu Johor dan Kesatuan Guru-guru Melayu Johor. Shahrom juga pernah menubuhkan Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Melayu Johor Bahru semasa menjadi pensyarah di Pusat Latihan Perguruan Johor Bahru. Persatuan ini sememangnya berperanan penting dalam memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu misalnya mengadakan Kempen Bahasa Kebangsaan peringkat daerah dan negeri Johor. Shahrom juga amat dikenali kerana banyak menghasilkan karya yang bercorak sejarah sama ada novel sejarah mahupun buku sejarah. Beliau menggunakan mata penanya untuk membangkitkan semangat kebangsaan, membina jati diri bangsa dan memberi kesedaran tentang peri pentingnya menghargai sejarah negara. Antara novel sejarahnya yang masyhur adalah *10 Julai 1511* (1941M), *Korban Sungai Muar* (1948M), *Tun Fatimah* (1948M), *Bermandi Darah di Sungai Johor* (1949M), *Keris Laksamana Bentan* (1954M), *Korban Kuala Kubu Karam* (1955M), *Bendahara Tepok* (1963M) dan *Seri Nara* (1963M). Shahrom juga menulis buku-buku sejarah seperti *Tawarikh Johor* (1950M), *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri-Negeri Melayu* (1995M), *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar* dan *Memoir Shahrom Husein: Selingkar Kenangan Abadi* (1996M).

<sup>53</sup> Othman Puteh (2000), "Sasterawan Johor Dalam Pemetaan Kesusastraan Melayu 1930-1960-an," h. 3-4.

Kepentingan Johor sebagai pusat intelek juga dibuktikan dengan kelahiran Persatuan Penulis Johor pada tahun 1966M di Johor Bahru. Persatuan ini bertujuan untuk menyatukan seluruh penulis di Johor dan memberi ruang kepada mereka untuk menyampaikan idea bagi memajukan bahasa dan sastera Melayu. Pada masa yang sama persatuan ini turut terlibat secara langsung dengan aktiviti seni budaya dan teater.

## **Kesimpulan**

Johor sebagai pusat intelek di alam Melayu ini sebenarnya tidak pernah berhenti. Biarpun setelah negara mencapai kemerdekaan, golongan cerdik pandai terus lahir dengan nilai cendekia wannya dan terus juga mengangkat nama Johor di rantau ini. Tradisi kepujanggaan dan keintelektualan Johor sebenarnya berterusan. Tradisi ini disambung oleh ramai lagi golongan intelek dari pelbagai cabang ilmu pada abad-abad berikutnya. Tokoh-tokoh seperti Onn Jaafar, Syed Hussein al-Attas, Syed Naquib al-Attas, Usman Awang, Adibah Amin, Jymy Ismara, Zaharah Nawawi, Khadijah Hashim, Abu Bakar Hamid dan ramai lagi yang masih aktif berkarya serta menggunakan bidang persuratan sebagai ruang kritik sosial yang konstruktif, wadah menyampaikan kesedaran pembangunan bahasa, bangsa dan kedaulatan demi untuk negeri Johor khasnya dan negara amnya.

Kesimpulannya, takrif intelek itu bertepatan dengan perkembangan dunia intelek di Johor apabila berlaku dua situasi utama; keberhasilan pelbagai bukti intelek khususnya persuratan dalam pelbagai genre (sejarah, bahasa, penulisan kreatif (sastera), bahasa, agama dan lain-lain yang mempamerkan kearifan masyarakat tempatan Johor. Keduanya, hasil-hasil persuratan itu tidak mati malahan sentiasa menjadi bahan penelitian dari zaman ke zaman dalam usaha masyarakat dahulu hingga kini dari seluruh alam Melayu melangkaui sempadan Johor itu sendiri untuk memahami pemikiran intelek masyarakat Johor tersebut dan sebagai sumber rujukan sejarah yang berautoriti dan autentik. Dalam erti kata lain, penghasilan karya-karya tersebut memberi impak jangka panjang terhadap pembangunan dan perkembangan masyarakat kemudiannya. Justeru adalah wajar untuk para ilmuan meneruskan kajian terhadap karya-karya persuratan dan intelek masyarakat Johor ini bagi mengisi ruang penyelidikan yang masih ada dan memperkayakan lagi khazanah sejarah negara.

## **Penghargaan**

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian menggunakan Geran Penyelidikan Fakulti, GPF036B-2020.

## **Rujukan**

- A. Samad Ahmad (2013), penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Kasbon (1970), “Perbandingan Raja Ali Haji dan Abdullah bin Abdul Kadir Munshi sebagai Sejarawan,” *Dewan Bahasa*, Bil. 12, Disember.
- Abu Hassan Sham (1993), *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham (1995), *Syair-Syair Melayu Riau*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abu Hassan Sham (1997), “Undang-Undang Johor Pra Abad ke-19,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Amat Juhari Moain (2000), “Sejarah Tulisan Jawi dalam Kesultanan Johor,” Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, Johor Bahru, 3-6 Mei 2000.
- Andaya, Barbara Watson dan Matheson, Virginia (1978), “Islamic Thought and Malay Tradition: The Writings of Raja Ali Haji of Riau (ca. 1809-1870),” dalam Anthony Reid dan David Marr (ed.), *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Heinemann.
- Arba'iyah Mohd Noor (2011), *Mohd Said Sulaiman: Cendekiawan Terbilang*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Denisova, Tatiana (2013), “Sejarah Penyebaran Islam di Alam Melayu Berdasarkan Sumber-Sumber Sejarah Melayu Islam Kurun Ke-18 Hingga Ke-19,” *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 8, Bil. 1, 85-98.

Hasan Junus (1988), *Raja Ali Haji Budayawan Di Gerbang Abad XX*, Pekan Baru: Universitas Islam Riau Press.

Lokman Abdul Samad (2001), *Hikayat Hang Tuah, Suatu Pembicaraan Karya Agung dari Pelbagai Aspek*, Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Maier, Hendrik M.J. (2001), “Raja Ali Haji dan Hang Tuah: Arloji dan Mufassar,” *Sari*, Jil. 19.

Mardiana Nordin (2001), “Hubungan dan Pertikaian Suku Melayu – Suku Bugis Di dalam Kerajaan Johor, Abad ke-18 dan ke-19,” *Purba: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Jil. 20, 41-48.

Mardiana Nordin (2001), “Raja Ali Haji dan Tuhfat al-Nafis,” *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jil. 29, 74-92.

Matheson, Virginia (1991), *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu-Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md Ismail Zam Zam (2000), “Gerakan Organisasi Persuratan dan Budaya di Johor: Satu Tinjauan Umum,” Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, di Johor Bahru, 3-6 Mei 2000.

Mohd. Pozi Haji Masurori (1997), “Raja Ali Haji dan Kepenggarangannya,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Mohd. Taib Osman (1988), “Raja Ali Haji dari Riau: Apakah Tokoh Transisi atau Pujangga Klasik Yang Akhir Sekali?” dalam *Bunga Rampai Kebudayan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Yusof Md Nor (1997), “Syair Perang Johor,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Mu’jizah dan Maria Indra Rukmi (1998), *Penelusuran Penyalinan Naskhah-naskhah Riau Abad XIX: Sebuah Kajian Kodikologi*, Jakarta: Fakultas Sastra Universitas Indonesia.

Muhammad Yusoff Hashim (1986), “Sheikh Nuruddin Ar-Raniri dan Raja Ali Haji dalam Pensejarahan Melayu,” Monograf Sejarah: Pensejarahan Sosio-Politik, Sejarah Tempatan dan Hubungan Antarabangsa, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaya.

Muhd. Yusof Ibrahim (2010), *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu, Warisan dan Kesinambungan*, Kuala Lumpur: Tinta Publishers.

Muhd. Yusof Ibrahim (2011), *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu, Tradisi dan Transformasi*, Kuala Lumpur: Tinta Publishers.

Muhd. Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya (1988), *Sejarawan dan Pensejarahan, Ketokohan dan Karya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah Mohamed (1997), “Shaer Almarhoem Beginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Nurhayati Rahman (2008), *Retna Kencana Colliq Pujie Arung Pancana Toa 1812-1876, Intelektual Penggerak Zaman*, Makassar: La Galigo Press.

Othman Puteh (2000), “Sasterawan Johor Dalam Pemetaan Kesasteraan Melayu 1930-1960-an,” Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, di Johor Bahru, 3-6 Mei 2000.

P.E. de Josselin de Jong (1965), “The Rise and Decline of National Hero,” *JMBRAS*, Jil. XXXVIII, Bil. 2, 140-155.

*Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 17 (2), 2022, 83-98

Rahmat Saripan (1997), “Syair Pembukaan Parit Jawa Johor,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

*Sejarah Perjuangan Raja Haji Fisabilillah dalam Perang Riau Melawan Belanda (1782-1784)* (1988), Riau: Pemerintah Propinsi Daerah Tingkat 1.

Siti Hawa Haji Salleh (1997), “Kepengarangan Tun Sri Lanang,” dalam *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Siti Hawa Salleh (2012), pentransliterasi, *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Suwardi MS (1985), “Konsep Melayu Menurut Sumber Sejarah,” Pertemuan Budaya Melayu Riau di Pekan Baru, Indonesia, 27 Januari.

*Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu* (1991), Shaharil Talib, penyelenggara, Ipoh: The House of Teuku Ismail Sdn. Bhd.

Zainal Abidin Borhan (2015), “Tamadun Melayu Johor: Kepujanggaan dan Keintelektualan,” Prosiding Persidangan Tamadun Melayu Johor, Kerajaan Negeri Johor, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru, 11-13 November 2015.